




## INDEKS HARGA PENGGUNA, JULAI 2025


Inflasi Malaysia **meningkat 1.2 peratus** pada **Julai 2025**



### INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA



### INFLASI MENGIKUT SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN



### PERUBAHAN INFLASI 573 ITEM MENGIKUT KATEGORI BARANGAN & PERKHIDMATAN



Nota: ■ Jun 2025 ■ Julai 2025  
Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun


Nota: ▲ Naik ▼ Turun ◀ Kekal  
Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



### Inflasi Bulanan Malaysia, Julai 2024 – Julai 2025



@StatsMalaysia



# Inflasi Malaysia meningkat 1.2 peratus pada Julai 2025

- Inflasi Malaysia meningkat 1.2 peratus pada Julai 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.7 berbanding 133.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini dipacu oleh kadar inflasi kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan yang meningkat kepada 5.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada bulan sebelumnya.
- Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat lebih perlahan 1.9 peratus pada Julai 2025 berbanding 2.1 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh inflasi subkumpulan Makanan di luar rumah, 4.3 peratus (Jun 2025: 4.7%) dan Makanan di rumah yang menurun kepada negatif 0.3 peratus (Jun 2025: -0.4%).
- Selain itu, kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 3.9 peratus (Jun 2025: 4.2%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.3 peratus (Jun 2025: 1.7%) turut menyederhana pada Julai 2025. Sementara itu, kumpulan Pendidikan (2.2%); Kesihatan (1.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.8%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.1%) kekal tidak berubah pada Julai 2025. Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 6.4 peratus dan negatif 0.2 peratus.
- Dua belas negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.2 peratus dengan Kelantan merekodkan inflasi terendah (0.0%) pada Julai 2025. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (1.8%), Selangor (1.5%), Negeri Sembilan (1.4%) dan Melaka (1.3%).
- Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Julai 2025 berbanding Jun 2025. Peningkatan ini didorong oleh Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.6%), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.8%) dan Kesihatan (0.3%). Sementara itu, penurunan bagi beberapa kumpulan iaitu Maklumat & Komunikasi (-0.9%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (-0.4%) dan Makanan & Minuman (-0.1%) sedikit sebanyak mengekang kenaikan inflasi daripada meningkat lebih tinggi.
- Inflasi teras meningkat 1.8 peratus pada Julai 2025, kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (5.5%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.9%); Makanan & Minuman (3.5%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.1%).
- Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.2%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.2%), Indonesia (2.4%) dan Republic of Korea (2.1%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Philippines (0.9%), China (0.0%) dan Thailand (-0.7%).

